

RINGKASAN EKSEKUTIF

KERTAS CADANGAN	:	Permohonan Kelulusan Pelupusan dan Pembelian Aset Alih (Perabot) Baharu dan Penyelenggaraan <i>Socket Key Phone Point</i> Menggunakan Bajet Operasi di Pejabat Perbadanan Produktiviti Malaysia Wilayah Sabah (MPC SBO)
TUJUAN	:	Kertas cadangan ini adalah untuk mendapatkan kelulusan BOM untuk pelupusan dan pembelian aset alih (perabot) baharu dan penyelenggaraan <i>socket key phone point</i> di MPC SBO.
LATAR BELAKANG	:	Pejabat MPC SBO telah mengguna pakai perabot di bilik Pengarah, Pengurus Wilayah dan Penolong Pengurus sejak tahun 2007 dan pada tahun 2021, didapati beberapa jenis perabot telah mengalami kerosakan. Selain itu, <i>socket key phone point</i> perlu diselenggara termasuk mengganti wayar baru dan <i>setting</i> .
ANGGARAN KOS	:	RM9,500.00
LEBIHAN PERUNTUKAN BAJET/ TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	:	
KOMEN / TANDATANGAN PENGURUS PCT	:	

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)
KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN
LEMBAGA PENGURUSAN

TAJUK:

Permohonan Kelulusan Pelupusan dan Pembelian Aset Alih (Perabot) Baharu dan Penyelenggaraan *Socket Key Phone Point* Menggunakan Bajet Operasi di Pejabat Perbadanan Produktiviti Malaysia Wilayah Sabah (MPC SBO)

1.0 TUJUAN

- 1.1 Kertas cadangan ini adalah untuk mendapatkan kelulusan BOM untuk pelupusan dan pembelian aset alih (perabot) baharu dan penyelenggaraan *socket key phone point* menggunakan bajet operasi di MPC SBO.

2.0 LATAR BELAKANG / JUSTIFIKASI

- 2.1 Pejabat MPC SBO telah mengguna pakai perabot di bilik Pengarah, Pengurus Wilayah dan Penolong Pengurus sejak tahun 2007 dan pada tahun 2021, didapati beberapa jenis perabot telah mengalami kerosakan (Sila rujuk lampiran 1 untuk gambar bukti kerosakan). Justeru, perabot yang rosak perlu dilupuskan dan dibuat pembelian baharu. Selain itu, *socket key phone point* perlu diselenggara termasuk mengganti wayar baru dan *setting*.

3.0 ANGGARAN KOS

- 3.1 Cadangan untuk membeli set perabot baharu bagi bilik Pengarah, Pengurus Wilayah dan 3 bilik Penolong Pengurus adalah sebanyak RM9,000.00 dan kos penyelenggaraan *socket key phone point* termasuk mengganti wayar baru dan kerja *setting* adalah sebanyak RM500.00. Justeru, jumlah keseluruhan bagi anggaran kos terlibat adalah sebanyak RM9,500.00. Sila rujuk jadual di bawah untuk senarai item terlibat.

NO.	ITEM	KUANTITI	HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Set Perabot Bilik Pengarah (Meja, Meja Sisi, Laci dan Kabinet) termasuk kos membekal, menghantar dan memasang	1 set	3,800.00	3,800.00
2.	Set Perabot Bilik Pengurus Wilayah (Meja, Meja Sisi, Laci dan Kabinet) termasuk kos membekal, menghantar dan memasang	1 set	2,800.00	2,800.00
3.	Meja Tulis dan Laci Mudah Alih untuk bilik Penolong Pengurus	3 unit	800.00	2,400.00
4.	Kos penyelenggaraan <i>socket key phone point</i> termasuk mengganti wayar baru dan kerja <i>setting</i>	1	500.00	500.00
JUMLAH				9,500.00

4.0 SYOR PERKHIDMATAN

- 4.1 MPC SBO memohon pertimbangan daripada pihak Lembaga Pengurusan MPC untuk meluluskan pelupusan dan pembelian aset alih (perabot) baharu dan penyelenggaraan *socket key phone point* termasuk mengganti wayar baru dan kerja *setting* menggunakan bajet operasi di MPC SBO dengan jumlah kos operasi sebanyak RM9,500.00.

Tandatangan

**Nama
Jawatan**

Tarikh

Disediakan oleh:




Lee Wan Swanee
Pengurus
MPC Wilayah Sabah
17/02/2021

Disemak dan Disahkan oleh:



Mokhzani Aris Mohd Yusoff
Pengarah
MPC Wilayah Sabah
18/02/2021

Perabot – Meja Bilik Pengarah Wilayah



Kaki meja bilik Pengarah telah patah kaki dan roboh diganti dengan kaki meja berwarna putih untuk sementara waktu.

Kabinet – Bilik Pengarah Wilayah



Kedua-dua belah papan penutup belakang kabinet telah tertanggal dan para cabinet telah patah.

Perabot – Meja Bilik Pengurus Wilayah



Bahagian atas meja bilik Pengurus patah ekor dari ketidaksamarataan bahagian bawah/kaki meja.